

MENYINGKAP ARENA SUKAN SETEMPAT 2017



EMPAT YANG TERBAIK:
(Dari kiri) Olahragawan Terbaik Joseph Schooling (renang), Olahragawati Terbaik New Hui Fen (bowling), Atlit-Pelajar Terbaik Lelaki Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (silat) dan Atlit-Pelajar Terbaik Perempuan Lau Ywen (lawan pedang) dengan trofi masing-masing di Majlis Anugerah Sukan Singapura 2017.

Silat

SILAT turut menyumbangkan dua emas kepada rekod koleksi 57 pingat emas negara di Sukan SEA Kuala Lumpur pada Ogos lalu melalui dua pesilat muda – jaguh silat Sheik Farhan Sheik Alau'ddin yang memenangi acara tanding kelas J (90-95kg) dan pesilat seni tunggal puteri Nurzuhairah Mohammad Yazid (kanan).

Malah, kecemerlangan Sheik Farhan, yang juga bergelar juara silat dunia sebanyak dua kali, turut menyaksikan beliau diiktiraf Anugerah Atlit-Pelajar Terbaik Lelaki di Majlis Sukan Singapura tahun ini.

Baru-baru ini, jaguh silat berusia 19 tahun itu menambah satu lagi kejuaraan dalam koleksi pingat emasnya selepas muncul juara dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Ketiga (Tanding Kelas J) di Chungju, Korea Selatan, pada September-Oktober lalu. Skuad pesilat negara turut memenangi dua lagi pingat emas dalam kejohanan itu menerusi pasangan adik-beradik Nujaid Hasif Zainal Abidin dan Muhammad Haziq dalam acara Ganda Putera; dan Nur Azlyana Ismail serta Nurhanishah Shahrudin dalam acara Ganda Puteri.

Ternyata 2017 adalah tahun yang memberangsangkan bagi silat negara!

